

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI  
(GOMBAK)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 02.04.2015**

**Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI [ GOMBAK ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan :-

(a) sebab-sebab perjanjian dan tender terbuka seperti dicadangkan Everbright International Construction Ltd. pada 2011 kepada UDA Holdings Sdn. Bhd. bagi pembangunan Bukit Bintang City Centre (BBCC) dibatalkan; dan

(b) pegangan saham dan pembiayaan kewangan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dalam projek tersebut.

**JAWAPAN**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kewangan melalui surat bertarikh 16 Ogos 2011 telah memaklumkan bahawa keputusan Jawatankuasa Perolehan Menteri Kewangan (JPMK) Bil. 6/2011 pada 9 Ogos 2011 telah menolak cadangan UDA untuk menawarkan pelaksanaan projek BBCC kepada Everbright International Construction Engineering Corporation.

2. JPMK sebaliknya bersetuju perkara-perkara berikut:
  - i. Projek BBCC dilaksanakan melalui penubuhan sebuah *Special Purpose Vehicle (SPV) (Master Developer)*;
  - ii. Pembangunan BBCC dibahagikan kepada tiga *parcel* dan ditawarkan kepada tiga syarikat usaha sama tempatan yang akan ditentukan oleh SPV [i.e. dua syarikat Bumiputera, satu bukan Bumiputera atau mana-mana kombinasi]. Bagi pihak UDA, SPV akan memegang 30% ekuiti dalam setiap syarikat usaha sama berkenaan;
  - iii. Pembidaan dibuat secara terbuka dengan menggunakan satu *Master Plan* dan parameter yang sama bagi kesemua pembida;
  - iv. Setiap syarikat usaha sama perlu memperuntukkan aset sewajarnya kepada UDA, iaitu minimum 30% daripada *Gross Development Cost*,

dan perkongsian keuntungan ke atas penjualan pembangunan BBCC (akan ditentukan oleh SPV dan diputuskan oleh Lembaga Pengarah UDA); dan

- v. Penilaian terperinci ke atas cadangan pembangunan projek akan dilaksanakan oleh SPV termasuk penilaian berkaitan profil syarikat usaha sama (keupayaan teknikal dan kewangan). Penilaian tender diperakui oleh Lembaga Pengarah UDA dan diputuskan oleh Kementerian Kewangan selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan Bil. 9 Tahun 2009.

3. Lanjutan daripada keputusan JPMK, UDA telah menubuhkan sebuah syarikat berbentuk SPV untuk membangunkan projek BBCC yang terdiri daripada UDA, Eco World Berhad (Eco World) dan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP). Pecahan pegangan ekuiti dalam SPV ini terdiri daripada UDA (40%), Eco World (40%) dan KWSP (20%). Jumlah pembiayaan kewangan oleh KWSP dalam projek BBCC masih dalam perbincangan dan belum dimuktamadkan lagi.